

29 OCT 2000

MAHATHIR DAN LI KA SHING BINCANG MENGENAI PELABURAN PELABUHAN

HONG KONG, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau telah mengadakan perbincangan dengan hartawan Hong Kong Li Ka Shing mengenai pelaburan di pelabuhan Malaysia.

Beliau berkata ramai usahawan dan ahli perniagaan Hong Kong boleh membantu dengan melabur di Malaysia.

"Encik Li Ka Shing mempunyai minat khusus dalam pelabuhan di Malaysia dan saya telah berbincang dengan beliau mengenai kemungkinan itu," katanya kepada para pemberita selepas menyampaikan ucapan pada jamuan malam Persatuan Asia di sini malam tadi.

Dr Mahathir dan pengerusi Hutchinson Group itu bertemu selama kira-kira 30 minit semalam.

Bulan lepas Hutchinson International Terminals yang mempunyai rangkaian kepentingan dalam pelabuhan di seluruh dunia, mengesahkan yang ia telah memperoleh 30 peratus saham dalam terminal kontena West Port di Pelabuhan Klang bagi RM400 juta.

Malaysia mempunyai beberapa pelabuhan dan selain West Port, terdapat juga Port of Tanjung Pelepas yang dikuasai 30 peratus sahamnya oleh syarikat gergasi kontena Denmark Maersk Sealand.

Dr Mahathir yang berlepas hari ini selepas lawatan sehari, turut menemui pengerusi Sino Land Robert Ng dan pengerusi Tem Fat Hing Fung (Holdings) Ltd Raymond Chan.

"Mereka merupakan orang yang menjalankan perniagaan di Malaysia dan mereka telah menyatakan minat untuk melabur lebih banyak di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA  
TCL RON